

## **KUIZ PELABURAN PNB 2019 TERIMA LEBIH 79,000 PENYERTAAN**

**SELANGOR, 3 Oktober 2019** – Selari dengan komitmen serta mandatnya untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, PNB telah sekian lama menganjurkan pelbagai program Literasi Kewangan seperti Seminar Pelaburan 360 Hari, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), Kelab Pelaburan Bijak PNB dan Fiesta Labur PNB. Ini bertujuan menyampaikan ilmu pelaburan dan perancangan kewangan kepada semua lapisan masyarakat.

Menerusi Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah PNB, Kuiz Pelaburan PNB telah diperkenalkan pada tahun 2001 untuk menarik minat orang ramai mendalami konsep pelaburan dan perancangan kewangan dalam bentuk program yang menggabungkan elemen pendidikan dan hiburan. Sejak ia diketengahkan, Kuiz Pelaburan PNB telah menarik sejumlah 590,336 penyertaan.

Pada tahun ini, Kuiz Pelaburan PNB telah berjaya menarik 79,072 penyertaan daripada empat kategori berbeza iaitu Umum - yang penyertaannya dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas, Sekolah Menengah - yang mensasarkan pelajar tingkatan satu hingga lima, serta kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Badan Beruniform yang masing-masing terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi dan kakitangan yang berkhidmat dalam badan beruniform.

Peringkat akhir bagi Kuiz Pelaburan PNB yang diadakan pada hari ini telah dihadiri oleh Presiden & Ketua Eksekutif PNB yang baharu iaitu Encik Jalil Rasheed. Acara ini adalah acara rasmi pertama yang dihadiri Encik Jalil sejak mengambil alih jawatan ini pada 1 Oktober 2019. Pertandingan Akhir Kuiz Pelaburan PNB 2019 menyaksikan 13 wakil Badan Beruniform dan 5 pasukan dari IPT berentap untuk merebut kejuaraan dalam 3 pusingan pertandingan.

Dalam ucapan beliau kepada para peserta dan tetamu, Encik Jalil berkata, “Penganjuran pelbagai program literasi kewangan ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat negara ini yang celik pelaburan. Dasar PNB untuk menyokong dan menggalakkan pendidikan pelaburan di negara ini akan terus dilaksanakan bagi mendidik dan menggalakkan masyarakat, terutamanya masyarakat Bumiputera, untuk melabur dan mendalami ilmu pelaburan”.

Beliau turut berkata, “PNB juga mensasarkan program Literasi Kewangan anjurannya akan menjadi program pendidikan pelaburan yang dapat membantu pesertanya memahami ilmu pelaburan, membuat keputusan pelaburan yang bijak dan seterusnya membina kewangan lebih kukuh untuk mencapai kemerdekaan kewangan.”

13 badan beruniform yang terlibat dalam Kuiz Pelaburan PNB ialah Tentera Darat Malaysia; Tentera Laut Diraja Malaysia; Tentera Udara Diraja Malaysia; Polis DiRaja Malaysia; Jabatan Penjara Malaysia; Jabatan Kastam Diraja Malaysia; Jabatan Imigresen Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Bahagian Kejururawatan; Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia; Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Sementara itu, lima pasukan IPT yang bertanding terdiri daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Johor; Universiti Multimedia; Universiti Tunku Abdul Rahman; Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

Pada tahun ini, satu kategori baharu telah diperkenalkan iaitu Kategori Umum yang mana penyertaannya terbuka kepada rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas, melalui borang penyertaan yang diterbitkan di akhbar Kosmo dan Utusan Borneo.

Konsep bagi Kategori Sekolah Menengah juga ditukar, di mana penyertaan pada tahun ini dibuka kepada semua pelajar sekolah menengah berbanding hanya pelajar tingkatan empat dan lima sahaja sebelum ini. Borang penyertaan juga diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Utusan Borneo.

Kuiz Pelaburan PNB 2019 menawarkan hadiah berjumlah RM216,000 secara keseluruhan berbentuk unit amanah ASNB, yang mana juara kategori badan beruniform dan IPT masing-masing menerima RM12,000 manakala pemenang pertama kategori Sekolah Menengah menerima RM5,000 dan kategori Umum menerima RM7,000. Sekolah Menengah yang menghantar penyertaan paling tinggi akan membawa pulang hadiah khas bernilai RM5,000 berupa barangan elektrik untuk keperluan sekolah.

*-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**